

Sesi penyerahan WPP PTPTN di Kota Tinggi, Johor.

WPP PTPTN buka peluang mahasiswa ke menara gading

Bantu pelajar hadapi masalah kewangan lanjut pengajian, ringankan beban ditanggung keluarga

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Tasek Gelugor: Tahun lalu, Mohammad Hafis Hamzah terpaksa melupakan hasrat untuk melanjutkan pengajian di sebuah universiti di Bangi, Selangor, berikutan masalah kewangan yang dihadapi keluarganya.

Namun, kali ini pemuda berusia 20 tahun itu tidak lagi menoleh ke belakang apabila menerima tawaran melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam program Sarjana Muda Pendidikan (Sejarah) dengan Kepujian.

Lebih menggembirakan, Mohammad Hafis turut dipilih sebagai penerima Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berjumlah RM1,500.

Beliau berkata, selepas tidak dapat menyambung pengajian tahun lalu, dia melakukan pelbagai pekerjaan sambilan selain mula mengumpul wang sebagai persediaan sekiranya mendapat peluang untuk melanjutkan pengajian.

"Tak sangka masih ada rezeki untuk belajar di universiti apabila permohonan saya bagi kali kedua diterima, selain dipilih menerima WPP.

"Ibu saya seorang ibu tunggal dan melakukan pelbagai pekerjaan termasuk berniaga nasi lemak di tepi jalan bagi menampung perbelanjaan keluarga, terutama keperluan pelajaran.

"Hanya ilmu yang dapat mengubah nasib, jadi saya akan manfaatkan peluang ini sebaik-baiknya dan WPP PTPTN itu nanti akan digunakan untuk membiayai yuran pengajian," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kubang Menerong, di sini.

> Sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), inisiatif itu juga mencerminkan keprihatinan PTPTN dalam memastikan pelajar dapat memulakan pengajian dengan keadaan yang lebih bersedia, teratur dan selesa
>
> *Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN*



Beli kelengkapan pengajian

Sementara itu, seorang lagi bakal mahasiswa, Mohamad Haris Md Rafi, 20, dari Pokok Tampang, berkata WPP banyak membantu pelajar, khususnya bagi membeli kelengkapan pengajian, membayar yuran dan keperluan lain, sekali gus mengurangkan beban keluarga.

"Sebagai anak bongsu daripada lima beradik, bantuan ini amat bermakna kerana dapat meringankan tanggungan keluarga," katanya.

Bagi Nurul Danish Dayana Muhammad Fakrul, 20, yang turut bakal melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), inisiatif PTPTN menerusi WPP memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa kekangan kewangan bukan lagi penghalang untuk melanjutkan pelajaran.

Kesemua bakal mahasiswa berkenaan adalah sebahagian daripada 14 penerima di Pokok Tampang, Taman Sepadu dan Kubang Menerong yang menerima surat tawaran WPP PTPTN diserahkan Pengerusinya, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, dalam satu tinjauan mesra.

Hadir sama, Pengarah Negeri Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang, Muhammad Muhsin Abdul Rahman.

Pada majlis berasingan, seramai 20 pelajar turut menerima WPP yang disampaikan Muhammad Muhsin di George Town.

Bakal pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), J Ruban Raj, 20, berkata WPP berjumlah RM1,500 amat besar maknanya bagi dirinya yang juga anak kepada pasangan buruh dan suri rumah.

"Tiada sebab lagi seseorang menolak tawaran untuk melanjutkan pengajian dengan adanya bantuan WPP ini dan ia perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya," katanya yang bakal mengikuti pengajian dalam bidang Teknologi Maklumat.

Sementara itu, Tan Wan Ying, 20, yang bakal melanjutkan pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam bidang Pendidikan Biologi, turut menzahirkan rasa syukur kerana menerima bantuan menerusi WPP.

Katanya, dia sebelum ini melakukan pelbagai pekerjaan termasuk sebagai pembancuh kopi dan guru tuisyen Bahasa Melayu bagi mengumpul wang simpanan.

"Saya berharap PTPTN akan terus menyediakan kemudahan seperti ini supaya dapat membantu dan memberi peluang kepada lebih ramai pelajar, terutama daripada keluarga kurang berkemampuan, untuk mengejar impian mereka," katanya.

Dalam pada itu, PTPTN turut mengadakan sesi penyerahan WPP di Kota Tinggi dan Pasir Gudang.

Sementara itu, Norliza berkata, WPP mula diagihkan PTPTN sejak 4 September lalu.

Beliau berkata, bantuan itu bukan sahaja bagi meringankan beban kewangan keluarga tetapi juga membantu menampung sebahagian kos persediaan awal bakal pelajar.

Katanya, sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), inisiatif itu juga mencerminkan keprihatinan PTPTN dalam memastikan pelajar dapat memulakan pengajian dengan keadaan yang lebih bersedia, teratur dan selesa.

Menurut beliau, bagi kemasukan pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda ke Universiti Awam (UA) dan Politeknik bagi sesi September ini, seramai 26,457 pelajar ditawarkan WPP membabitkan peruntukan berjumlah RM39.7 juta.

"WPP yang ditawarkan ini adalah sebahagian daripada pinjaman PTPTN.

"Sehubungan itu, pelajar *yang tidak* berhasrat untuk mendaftar *ke UA atau* Politeknik yang ditawarkan atau tidak berhasrat membuat permohonan pinjaman PTPTN dinasihatkan supaya tidak menunaikan WPP," katanya.

Pelajar boleh membuat semakan tawaran WPP melalui aplikasi myPTPTN dan boleh menunaikan WPP tersebut di kaunter Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) di seluruh negara mulai 4 September 2026 (Jumaat) dengan membawa surat tawaran WPP dan juga MyKad pelajar (wakil adalah tidak dibenarkan). Tempoh sah laku WPP adalah selama dua (2) bulan bermula 4 September 2026 (Jumaat) hingga 3 November 2026 (Selasa).



Norliza (tengah) bersama Muhammad Muhsin (duduk, dua dari kanan) serta penerima pada walkabout penyerahan WPP PTPTN di Pokok Tampang, Tasek Gelugor.
(Foto Auris Faqrurazzi/BH)



Sesi penyerahan WPP PTPTN di Pasir Gudang, Johor.



Muhamad Haziq Irfan Zamcer dan Nurul Danish Dayana antara penerima WPP PTPTN di Taman Sepadu, Tasek Gelugor.



Antara penerima surat tawaran WPP PTPTN pada Majlis Penyerahan WPP PTPTN di George Town, Pulau Pinang.